

TAHAP, AMALAN DAN MASALAH PENGURUSAN BILIK DARJAH  
GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH DAERAH SEGAMAT

HASFARINA BINTI ABAS

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

JULAI 2012

## **DEDIKASI**

Istimewa buat,  
Ibubapa tersayang dan adikberadik  
Jasa dan doa kalian mengiringi kehidupan dan kejayaanku

Terima kasih...  
Kalian sentiasa memberiku kekuatan dan semangat untuk terus berjuang

Untuk semua pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan,  
Terima kasih di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan.

## PENGHARGAAN

Perjuangan untuk menimba ilmu ini bukanlah mudah. Pelbagai cabaran yang perlu dilalui. Namun, segala cabaran dapat ditempuhi dengan berkat doa, sokongan dan bantuan semua pihak yang mengenali diri ini.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Dr. M.Al-Muz-zammil Bin Yassin, selaku penyelia Projek Sarjana ini, di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan bantuan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini. Segala ilmu dan bantuan yang diberikan akan sentiasa dikenang.

Penghargaan ini juga diberikan kepada semua pensyarah yang telah banyak mencurahkan ilmu kepada saya sepanjang mengikuti kursus di Universiti Teknologi Malaysia ini demi menambahkan ilmu dan pengalaman yang sangat bernilai. Sekalung ucapan terima kasih kepada pihak pentadbiran dan rakan-rakan guru sekolah-sekolah yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada pengetua, pihak pentadbiran dan rakan-rakan guru di Sekolah Menengah Vokasional Segamat yang telah banyak memberi galakan, sokongan, pandangan dan kerjasama sehingga saya Berjaya menghasilkan kajian ilmiah ini.

Sekian. Terima kasih.

## ABSTRAK

Pengurusan bilik darjah masak ini adalah kompleks kerana melibatkan aspek pengurusan serta pengajaran dalam satu masa yang sama. Di sekeliling guru adalah masyarakat yang sentiasa melihat perkembangan pengajaran dan pembelajaran di sekolah, melalui anak-anak mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengurusan serta amalan pengurusan yang dilaksanakan oleh guru-guru sekolah menengah di daerah Segamat, di samping mengenalpasti masalah yang sering dihadapi oleh para guru dalam mengurus bilik darjah. Semua data kajian telah dianalisis menggunakan sistem *The Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 17.0. Data diperolehi melalui soal selidik yang melibatkan 292 orang guru-guru sekolah menengah di daerah Segamat. Setiap elemen dalam pengurusan bilik darjah serta amalan pengurusan bilik darjah diterangkan menggunakan skor min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para guru sekolah menengah daerah Segamat mempunyai tahap pengurusan bilik darjah dan amalan pengurusan bilik darjah yang tinggi. Dapatan turut menunjukkan masalah yang sering dihadapi oleh guru dalam mengurus bilik darjah adalah berkait rapat dengan komunikasi antara guru dan pelajar, peraturan dan prosedur yang digariskan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran, persepsi ibubapa terhadap tindakan guru, pengaruh rakan sebaya dan factor persekitaran.

## ABSTRACT

Nowadays, classroom management is more complex as it involves both management and teaching and learning simultaneously. Teachers are surrounded by society who keeps strict eyes on the development of teaching and learning in schools through their children. The purpose of this study was to identify the level of classroom management and classroom management practices among teachers in secondary schools in Segamat district, as well as to identify the problems usually occurred in managing the classroom. *The Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) Version 17.0* was utilized to analyze the data. Data were collected through questionnaires from 292 secondary school teachers in Segamat district. Each element of classroom management and classroom management practices was explained using mean scores. The findings indicated that secondary schools teachers scored high in the two aspects studied, i.e. classroom management and classroom management practices. Findings also showed that problems frequently faced by teachers in managing the classroom were closely related to the communication between teachers and students, rules and procedures outlined by the administration, the parents' perceptions towards teachers' actions, peer pressure, as well as the environment.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	xix
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	13
	1.7.1 Kementerian Pelajaran	14
	1.7.2 Guru-guru	14
	1.7.3 Pengkaji akan datang	14
	1.7.4 Pihak-pihak lain	15
1.8	Skop Kajian	15
1.9	Batasan Kajian	16
1.10	Definisi istilah kajian	16
	1.10.1 Bilik Darjah	16
	1.10.2 Pengurusan Bilik Darjah	17
	1.10.3 Amalan Pengurusan Bilik Darjah	18
	1.10.4 Masalah Pengurusan Bilik Darjah	18
1.11	Kesimpulan	19

## 2

**KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	21
2.2	Perubahan Dalam Pengurusan Bilik Darjah	21
2.3	Konsep Bilik Darjah	22
2.4	Konsep Pengurusan Bilik Darjah	24
2.4.1	Peranan Guru Dalam Pengurusan Bilik Darjah	25
2.5	Amalan Pengurusan Bilik Darjah	26
2.6	Model Pengurusan Bilik Darjah	27
2.6.1	Modifikasi Tingkah Laku	28
2.6.2	Model Disiplin Asertif Canter	28
2.6.3	Model Akibat Logikal Dreikurs	28
2.6.4	Terapi Realiti Glasser	29
2.6.5	Model Pengurusan Kelompok Kounin (1970)	29
2.6.5.1	Kesedaran dan kepekaan ( <i>Withitness</i> )	31
2.6.5.2	Pertindanan ( <i>Overlapping</i> )	31
2.6.5.3	Kelicinan ( <i>Smoothness</i> )	32
2.6.5.4	Momentum	32
2.6.5.5	Kepekaan Kelompok	33
2.7	Masalah dan Halangan Pengurusan Bilik Darjah	33
2.8	Kajian-kajian Lepas	34
2.9	Kesimpulan	36



### **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	39
3.4	Instrumen Kajian	41
3.5	Kajian Rintis	49
3.6	Prosedur Kajian	54
3.7	Analisis Data	55
3.8	Kesimpulan	56

### **4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	58
4.2	Taburan Pengagihan Soal-Selidik	59
4.3	Latar Belakang Responden	60
	4.3.1 Umur	60
	4.3.2 Jantina	61
	4.3.3 Sekolah	61
	4.3.4 Etnik	62
	4.3.5 Tempoh Pengalaman mengajar	62
4.4	Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	63
	4.4.1 Analisis Persoalan Kajian 1: Apakah tahap Pengurusan bilik darjah di sekolah menengah Daerah Segamat?	63

4.4.1.1	Elemen Merancang Dalam Pengurusan Bilik Darjah	64
4.4.1.2	Elemen Mengelola Dalam Pengurusan Bilik Darjah	65
4.4.1.3	Elemen Mengarah dalam pengurusan Bilik Darjah	68
4.4.1.3	Elemen Mengawal Dalam Pengurusan Bilik Darjah	71
4.4.2	Tahap pengurusan bilik darjah sedia ada.	74
4.4.3	Analisis Persoalan Kajian II: Sejauhmanakah Amalan pengurusan bilik diamalkan oleh guru matapelajaran di sekolah menengah daerah Segamat?	75
4.4.3.1	Amalan 'Withitness' Dalam Pengurusan Bilik Darjah	75
4.4.3.2	Amalan Pertindanan Dalam Pengurusan Bilik Darjah	77
4.4.3.3	Amalan Kelicinan ( <i>Smoothness</i> ) Dalam Pengurusan Bilik Darjah	79
4.4.3.4	Amalan Momentum Dalam Pengurusan Bilik Darjah	81
4.4.3.5	Amalan Kepekaan Kelompok Dalam Pengurusan Bilik Darjah	84
4.4.4	Tahap Amalan Pengurusan Bilik Darjah Berdasarkan Model Kounin (1970)	86
4.5	Analisis Persoalan Kajian III: Apakah Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Sekolah Menengah Daerah Segamat Dalam Pengurusan Bilik Darjah?	87

4.6	Analisis PersoalanKajian IV: Adakah Tahap Pengurusan, Amalan Pengurusan dan Masalah Pengurusan Bilik Darjah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru Berbeza Antara Sekolah Berasrama Dan Sekolah Harian Biasa?	92
4.7	Rumusan Analisis Data	95
4.8	Kesimpulan	96

## **5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	97
5.2	PersoalanKajian	97
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	98
5.3.1	Maklumat Latar Belakang Responden	98
5.3.2	Tahap Pengurusan Bilik Darjah Guru-guru Sekolah Menengah Daerah Segamat	100
5.3.3	Amalan Pengurusan Bilik Darjah Guru-guru Sekolah Menengah Daerah Segamat	105
5.3.4	Masalah Pengurusan Bilik Darjah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru Sekolah Menengah Daerah Segamat	107
5.3.5	Hubungan Antara Tahap Pengurusan Bilik Darjah, Amalan Pengurusan Bilik Darjah dan Masalah Pengurusan Bilik Darjah Dengan Jenis Sekolah	110

5.4	Rumusan Kajian	111
5.5	Cadangan Penambahbaikan Berdasarkan Dapatan Kajian	113
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	116
5.7	Kesimpulan	117

RUJUKAN

LAMPIRAN

## SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
3.1	Jadual Krejciedan Morgan (1970)	39
3.2	Senarai Sekolah Terpilih Untuk Tujuan Kajian	40
3.3	Modifikasi Item Soal Selidik Misnah (2010)	42
3.4	Pembinaan Item Melalui Terjemahan dan Adaptasi Teknik Pengurusan Bilik Darjah Model Pengurusan Kelompok Kounin(1970)	45
3.5	Taburan Item Soal Selidik Mengikut Aspek Kajian	48
3.6	Indikator Skala Likert Dalam Kajian	48
3.7	Analisis Pekali Kebolehpercayaan Alpha-Cronbach Mengikut Item Soal Selidik Bagi Kajian Rintis ( <i>Alpha if Item Deleted</i> ) Untuk Elemen Pengurusan Bilik Darjah	50
3.8	Analisis Pekali Kebolehpercayaan Alpha-Cronbach Mengikut Item Soal Selidik Bagi Kajian Rintis ( <i>Alpha if Item Deleted</i> ) Untuk Amalan Pengurusan Bilik Darjah	50
3.9	Penambahbaikan Item Soalan Berdasarkan ' <i>Alpha Cronbach if Item Deleted</i> '	51
3.10	Item Soal Selidik Bahagian D	52
3.11	Indikator Skala Likert Dalam kajian	53
3.12	TahapPemeringkatan Min	55
3.13	Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian	56

4.1	Taburan Pengagihan Soal Selidik Kajian	59
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	60
4.3	Taburan Responden Mengikut Jantina	61
4.4	Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah	61
4.5	Taburan Responden Mengikut Etnik	62
4.6	Latar Belakang Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	63
4.7	Elemen Merancang dalam Pengurusan Bilik Darjah	65
4.8	Elemen Mengelola dalam Pengurusan Bilik Darjah	68
4.9	Elemen Mengarah Dalam Pengurusan Bilik Darjah	70
4.10	Elemen Mengawal Dalam Pengurusan Bilik Darjah	73
4.11	Tahap Pengurusan Bilik Darjah Guru Bagi Empat Elemen Pengurusan Bilik Darjah	74
4.12	Amalan 'Withitness' Dalam Pengurusan Bilik Darjah	76
4.13	Amalan Pertindanan ( <i>Overlapping</i> ) Dalam Pengurusan Bilik Darjah	78
4.14	Amalan Kelicinan ( <i>Smoothness</i> ) Dalam Pengurusan Bilik Darjah	81
4.15	Amalan Momentum Dalam Pengurusan Bilik Darjah	83
4.16	Amalan Kepekaan Kelompok Dalam Pengurusan Bilik Darjah	85
4.17	Tahap Amalan Pengurusan Bilik Darjah Guru Bagi Lima Dimensi Model Kounin (1970)	87
4.18	Taburan Ke kerap an Masalah Atau Halangan Dalam Pengurusan Bilik Darjah	90
4.19	Ujian-t Tahap Pengurusan Bilik Darjah Mengikut Jenis Sekolah	93

4.20	Ujian-t Amalan Pengurusan Bilik Darjah Mengikut Jenis Sekolah	94
4.21	Ujian-t Masalah Pengurusan Bilik Darjah Mengikut Jenis Sekolah	95
4.22	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	95

## SENARAI RAJAH

<b>RAJAH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.2	Model Pengurusan Kelompok Kounin (1970)	30



**SENARAI SINGKATAN**

SPSS	-	Statistical Package for Social Science
Bil	-	Bilangan
SP	-	Sisihan Piawai
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
KS	-	Kurang Setuju
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju
TP	-	Tidak Pernah
JJ	-	Jarang-jarang
KK	-	Kadang-kadang
K	-	Kerap
SK	-	Sangat Kerap

**SENARAI SIMBOL**

%	-	Peratus
$\alpha$	-	Alpha

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	126
B	Nilai Analisis Data	133

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pengurusan bilik darjah adalah satu proses membentuk suatu alam pembelajaran serta usaha untuk mengekalkannya dimana iklimnya kondusif untuk pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran agar objektif yang ditetapkan tercapai (Mok Soon Sang, 2011). Ia melibatkan pembinaan suasana pembelajaran yang terbaik dalam bilik darjah bagi meningkatkan motivasi pelajar dan memperkembangkan sikap tanggungjawab serta kebolehan untuk membuat perancangan sendiri (Noraini Idris, 2009). Pengurusan bilik darjah bermaksud bagaimana bagaimana guru dan pelajar bekerja, bagaimana mereka saling berkerjasama dan bagaimana pengajaran dan pembelajaran berlaku (Bosch, 2006). Ia adalah pakatan di antara guru dan pelajar untuk mengurus segala aspek terdapat dalam bilik darjah yang melibatkan pengurusan pelajar, kemudahan fizikal serta aktiviti yang dilaksanakan agar satu alam belajar yang kondusif untuk sesi pengajaran dan pembelajaran dapat diwujudkan (Mok Soon Sang, 2011).

Kecekapan pengurusan bilik darjah seseorang guru berkait rapat dengan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Abdullah Sani, 2006). Pengurusan bilik darjah merupakan sebahagian dari proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk membina serta memupuk tingkah laku pelajar dalam bilik darjah agar proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan lancar, manakala aktiviti penyampaian ilmu bertujuan pelajar dapat mencapai objektif spesifik sesuatu

pembelajaran (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Suasana pembelajaran yang berkesan tidak mungkin terbina dengan hanya memberi tumpuan pada proses penyampaian isi pengajaran guru sahaja. Ia turut melibatkan aspek pengurusan bilik darjah serta tingkah laku pelajar.

Pengurusan bilik darjah berkesan mampu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Seorang guru seharusnya mampu mengurus bilik darjah dan mengawal tingkah laku pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lancar dan berkesan tanpa gangguan (Hasani Dali & Mohd Johdi, 2009). Disamping itu, ia mampu mempengaruhi motivasi, tingkah laku serta penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bilik darjah yang diurus dengan baik adalah tempat dimana pelajar sentiasa mengambil berat dan bekerjasama di antara satu sama lain, membuat pilihan yang bijak dan sering berusaha untuk menghasilkan kerja yang berkualiti, menarik dan penting bagi mereka (Levin & Nolan, 2000).

Persekitaran pembelajaran yang kondusif adalah tempat pelajar dapat melibatkan diri, mengambil bahagian dan menumpukan perhatian dalam pelajaran (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Maka, bilik darjah yang diurus dengan baik dapat membentuk satu iklim pengajaran dan pembelajaran yang positif dan kondusif. Namun, ia sukar untuk diwujudkan dan sangat mencabar buat semua guru. Sekiranya ia wujud dalam bilik darjah, pelajar akan berminat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan tanpa gangguan atau halangan. Iklim pembelajaran mencakupi semua elemen yang ada di sekeliling pelajar dan berupaya mempengaruhi pembelajaran dan tingkah laku pelajar (Abdullah Sani, Abdul Rashid & Abdul Ghani, 2007). Oleh itu, bilik darjah perlu bersifat mesra- pelajar.

Pengurusan bilik darjah bukan sahaja melibatkan pengurusan tingkah laku pelajar tetapi merangkumi tindakan guru untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah (Choong Lan Keow, 2009). Kecekapan dan keberkesanan kemahiran guru dalam mengurus bilik darjah dapat

menggalakkan pembentukan iklim pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Pada masa kini pengurusan tingkah laku pelajar semakin mencabar dan tingkah laku mereka sukar dikawal dengan berkesan sehingga menyebabkan gangguan pada proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya boleh mempengaruhi iklim disiplin dan pencapaian mereka serta turut memberi kesan kepada iklim dan budaya sekolah. Sehubungan ini, pengetua perlu memastikan para guru memahami tugas dan peranan mereka dalam menentukan disiplin pelajar di bilik darjah berada dalam keadaan baik dan terkawal pada setiap masa.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Dalam mengurus bilik darjah dengan berkesan demi merangsang pembelajaran pelajar, guru perlu memberi perhatian kepada proses mengurus tingkah laku pelajar (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Lebih banyak masalah disiplin melibatkan pelajar berlaku di sekolah seperti ponteng kerana suasana persekitaran pembelajaran hari ini dilihat tidak dapat menarik minat pelajar untuk melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah disebabkan pengajaran guru yang membosankan serta iklim bilik darjah yang tidak menyeronokkan (Noriaty, Boon, Sharifah Fakhriah & Zuraidah, 2010). Kajian psikologi menunjukkan persekitaran memberi kesan terhadap perlakuan seseorang, dimana iklim sekolah akan mewujudkan suasana pembelajaran yang bermotivasi dan seterusnya membantu pelajar memperoleh pencapaian yang lebih baik dan guru-guru lebih puas untuk bekerja (Ahmad Zabidi, 2006).

Pendapat yang disuarakan di kalangan guru pelatih mendapati aspek pengurusan bilik darjah adalah sukar untuk dikuasai walaupun terdapat banyak panduan dari segi teori mahupun aplikasi teknik yang pelbagai (Mohd Hasani & Mohamad Johdi, 2009). Kebanyakan guru memilih untuk mengamalkan teknik pengurusan bilik darjah dengan melihat dan meniru gaya guru-guru lain di sekeliling mereka atau mengurus mengikut kehendak dan pengalaman sendiri (Williams, Alley

& Henson, 1999). Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti apakah amalan pengurusan yang sering digunakan oleh guru dalam bilik darjah. Adakah guru mengamalkan pengurusan bilik darjah yang sama dan memperoleh kesan yang sama

Antara beberapa masalah yang sering timbul di kalangan pelajar semasa berada di bilik darjah adalah tidak memberikan tumpuan kepada pengajaran yang disampaikan guru, sebaliknya cenderung berbual dengan rakan lain ataupun berkomunikasi secara tidak lisan serta pelajar kerap tidak menyelesaikan kerja rumah yang diberikan dan mereka akan memberikan pelbagai alasan yang tidak wajar apabila diminta untuk menghantar kerja tersebut (Choong Lean Keow, 2009). Kesalahan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang sering dilihat oleh guru adalah tidak membuat tugas, tidak membawa buku ke sekolah, kurang tumpuan dalam bilik darjah serta penggunaan kata-kata kesat atau kasar oleh pelajar lebih dewasa, dimana pelajar masa kini cenderung menggunakan bahasa cabul di dalam bilik darjah dan menunjukkan sifat yang kurang sopan kepada guru dan pelajar lain (Myint, Lourdusamy, Quek, & Wong, 2004).

Guru menghadapi kesukaran mengawal pelajar di bilik darjah kerana suasana terlalu bising manakala pelajar-pelajar dari kelas yang lemah tidak fokus pada pengajaran guru serta tidak menyiapkan tugas diberi (Juahir, 2006). Buku kawalan kelas dibekalkan pada setiap kelas untuk mengawal proses keluar masuk pelajar ke bilik darjah sewaktu pengajaran dan pembelajaran berlangsung, namun tiada perubahan positif sebaliknya keadaan menjadi lebih teruk. Para pelajar semakin berani melanggar peraturan serta segelintir mereka sering menimbulkan masalah dalam bilik darjah akibat pemantauan yang kurang daripada guru disiplin, pihak pentadbir dan pengetua. Maka, guru perlu menyediakan peraturan dan amalan bilik darjah bagi mengawal dan mencorak tingkah laku yang positif serta mencegah kelakuan yang tidak diingini dalam bilik darjah (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010).

Kebanyakan masalah tingkahlaku pelajar di sekolah awam tidak dapat diselesaikan berbanding masalah pelajar di sekolah swasta (Mumtaz Ahmad, 2010).

Kajian yang melihat aplikasi strategi pengurusan bilik darjah di sekolah awam dan sekolah swasta ini mendapati kebanyakan strategi pengurusan bilik darjah diaplikasi pada tahap yang baik di sekolah-sekolah swasta berbanding di sekolah awam. Terdapat perbezaan yang ketara pada tahap pengurusan bilik darjah di kedua-dua jenis sekolah iaitu sekolah awam dan sekolah swasta. Bagaimana pula keadaannya dengan sekolah harian biasa dan sekolah berasrama yang terdapat di Malaysia?

Pengurusan bilik darjah yang kurang berkesan boleh menyebabkan salah laku penggunaan internet dalam bilik darjah ketika pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Pada masa kini, pelajar mempunyai kemudahan mengakses laman sesawang di makmal komputer sekolah, tetapi malangnya, ada segelintir pelajar menyalahgunakan kemudahan komputer dan internet yang dibekalkan dengan menyebarkan virus ke komputer-komputer sekolah atau memuat turun video yang tidak sesuai dari laman *youtube* dan sebagainya (Myint et al. 2004). Selain itu, penggunaan telefon bimbit di sekolah turut memberi kesan negatif kepada guru dan pelajar. Penggunaan telefon bimbit dalam bilik darjah dilihat sebagai tidak menghormati privasi dan autoriti guru.

Kepentingan faktor pengurusan bilik darjah dalam pekerjaan seharian guru tidak dapat disangkal lagi. Salah satu elemen penting dalam membina suasana bilik darjah yang sihat dan harmonis adalah disiplin pelajar yang terkawal kerana ia dapat menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran berkesan (Mok Soon Sang, 2011). Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kewujudan masalah disiplin di kalangan pelajar dalam bilik darjah antaranya keluarga, guru, sekolah, rakan sebaya dan diri pelajar sendiri (Abd. Rahman, 2003). Ini jelas menunjukkan guru memainkan peranan penting dalam penyampaian pengajaran dan kawalan disiplin pelajar di dalam serta di luar bilik darjah.

Pengurusan bilik darjah akan lemah tanpa kewujudan hubungan positif antara guru dan pelajar. Pelajar akan mematuhi segala arahan guru dan peraturan bilik darjah dengan suka rela jika hubungan guru-pelajar adalah baik (Mok Soon Sang,



2011). Guru perlu berusaha mewujudkan perhubungan yang mesra dengan pelajar kerana perhubungan yang mesra menggalakkan komunikasi antara pelajar dan guru (Abdullah Sani, 2006). Hubungan yang baik antara guru dan pelajar dapat membantu mengurangkan kemerosotan disiplin dalam kalangan pelajar kerana teguran yang diberikan oleh guru bagi memperbaiki disiplin pelajar dapat diterima dengan mudah dan terbuka sekiranya hubungan antara guru dan pelajar adalah baik (Shoba, 2007). Untuk mengatasi masalah disiplin dalam bilik darjah, guru perlu berusaha untuk mengenali pelajar secara individu dan mengaplikasi garis panduan asas dalam pengurusan bilik darjah (Suppiah, Kamarulzaman, Abd Aziz, Ramlah, Roslinda & Hazalifah, 2009).

Terdapat gangguan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah apabila guru tiada di kelas untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran kerana apabila guru sering tiada di bilik darjah, pelajar agak 'terbiar' untuk jangkamasa tertentu, seterusnya menyebabkan sikap dan tingkah laku pelajar mudah terpesong ke arah negatif seperti tidur di dalam bilik darjah, membuat bising, mengganggu rakan lain dan sebagainya (Bity Salwana, Ahmad Basri, Ramlee & Mohammed Sani, 2009). Oleh itu, untuk memastikan wujudnya hubungan baik antara guru dan pelajar, keberadaan guru di kelas adalah penting. Sekiranya guru tidak hadir ke sekolah, pihak pengurusan sekolah akan membuat jadual guru ganti supaya kelas dapat berjalan seperti biasa (Hamedah & Normah, 2010). Apabila guru sentiasa berada di bilik darjah, maka masalah disiplin seperti ponteng dapat dielakkan dan satu suasana pembelajaran yang tenang dan selesa dapat dibentuk.

Walaupun proses pengajaran dapat disempurnakan oleh guru, namun hasil pembelajaran tidak mencapai tahap maksima akibat gangguan atau halangan yang timbul dalam bilik darjah. Guru yang gagal mengurus bilik darjah dengan baik akan hanya berjaya menyampaikan isi pengajaran tapi mungkin gagal memenuhi keperluan pembelajaran sebilangan pelajar. Kemahiran dalam pengurusan bilik darjah dan tingkah laku pelajar hanya dapat dicapai melalui pengalaman mengajar sebenar.

Faktor psikososial yang sihat dalam pengurusan bilik darjah ialah pendekatan pengajaran, gaya kepimpinan guru, bentuk komunikasi dan corak interaksi yang diwujudkan oleh guru dalam bilik darjah (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Oleh itu, guru mempengaruhi tingkah laku pelajar serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh dilihat sebagai penyebab kelakuan negatif pelajar kerana sebilangan besar guru memilih bidang pengurusan sebagai jalan terakhir dalam menetapkan laluan kerjaya mereka dimana guru tidak mempunyai keinginan sebenar untuk mengajar dan menganggap tugas sebagai sumber pendapatan sahaja (Abdullah Sani, 2006). Sejauh manakah guru masa kini dapat memainkan peranan mereka sebagai pengurus bilik darjah yang baik, sedangkan profesion keguruan itu sendiri dilihat sebagai satu punca pendapatan sahaja? Kajian ini akan melihat sejauhmana guru benar-benar dapat mengurus bilik darjah dengan baik di sekolah.

Pengurusan bilik darjah juga tidak berlaku dengan baik sekiranya guru tidak mempunyai harapan yang tinggi terhadap pelajar mereka. Dalam buku beliau 'Mengurus Disiplin Pelajar', Abdullah Sani (2006) berkata pembahagian kelas mengikut pencapaian pelajar mungkin menimbulkan hubungan yang kurang mesra antara guru dan pelajar akibat perasaan guru yang bosan dan tidak berpuas hati akan tingkah laku pelajar kelas lemah ketika berada dalam bilik darjah kerana masyarakat kita sering melihat pelajar dari kelas lemah sebagai pelajar bermasalah. Perkara ini sering berlaku di kebanyakan sekolah-sekolah harian biasa dan bukan sekolah berasrama. Bagaimana guru dari dua sekolah berbeza ini mengurus bilik darjah bagi dua golongan pelajar berlainan tahap dan kemahiran?

Kebanyakan guru kurang memberikan perhatian mahu pun dorongan motivasi kepada pelajar lemah semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Abdullah Sani, 2006). Sebilangan guru lebih suka menyerahkan pelajar bermasalah kepada kaunselor atau guru disiplin untuk sebarang tindakan akibat salah laku dalam bilik darjah. Guru seharusnya bertanggungjawab untuk menangani masalah disiplin pelajar tersebut dalam bilik darjah. Masalah prestasi pelajar dari segi pencapaian akademik dan sahsiah dalam bilik darjah masih tiada penyelesaian kerana masih terdapat pelajar yang ponteng dan tidak berminat untuk belajar semasa

berada di bilik darjah (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Pelajar sebegini sering keluar merayau sewaktu pengajaran dan pembelajaran berlangsung dan ini mungkin menyebabkan berlakunya aktiviti negatif di kalangan pelajar. Maka, guru perlu mengambil tindakan yang sesuai dalam bilik darjah bagi membendung perlakuan negatif pelajar. Ini selari dengan tujuan kajian ini untuk melihat apakah teknik pengurusan bilik darjah yang boleh diamalkan oleh guru dalam mengurus bilik darjah.

Secara amnya alam pembelajaran dalam bilik darjah merangkumi aspek fizikal dan aspek psiko-sosial (Choong Lean Keow, 2009). Maka, pengurusan fizikal bilik darjah juga perlu diberi perhatian oleh guru. Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi cara dan suasana interaksi dalam bilik darjah sebagai alam belajar terbahagi kepada tiga kategori iaitu faktor fizikal, faktor psiko-sosial dan faktor teknikal (Mok Soon Sang, 2011). Masalah disiplin dalam bilik darjah berlaku akibat tiga aspek utama iaitu, guru, persekitaran bilik darjah dan pengaruh luar (Sahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir, 2007).

Guru bertanggungjawab menyediakan persekitaran fizikal bilik darjah yang efektif bagi membantu perkembangan murid dalam pembelajaran (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Persekitaran fizikal bilik darjah seperti keluasan ruang dan susun atur perabot perlu sesuai dengan kapasiti pelajar kerana bilangan pelajar yang melebihi kapasiti yang sepatutnya boleh menyebabkan suasana dalam bilik darjah kurang selesa dan akhirnya menimbulkan masalah disiplin (Mok Soon Sang, 2011). Jumlah purata pelajar berada dalam satu bilik darjah di sekolah kerajaan di Malaysia adalah 40 orang dan dengan bilangan pelajar yang agak besar ini, guru bertanggungjawab menyediakan pelbagai aktiviti dan latihan, membuat pemantauan serta penilaian hasil kerja pelajar (Choong Lean Keow, 2009). Kejadian tidak diduga seperti pelajar cedera atau jatuh sakit mungkin berlaku dalam bilik darjah dan boleh menyebabkan suasana bilik darjah menjadi bising serta kurang tenteram jika tidak diurus dengan baik oleh guru (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Keadaan seperti ini, boleh membuat guru dan pelajar tertekan dan ini dapat menjejaskan proses

pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Apakah tindakan yang perlu di ambil oleh guru untuk menangani masalah ini?

Masalah kebersihan bilik darjah sering berlaku, dimana pelajar membiarkan sampah sarap tanpa diurus dan pelajar yang telah ditugaskan untuk melakukan sesuatu tugas pembersihan bilik darjah seperti yang dipersetujui pada awal tahun bersama guru, tiada rasa tanggungjawab untuk melaksanakannya (Misnah, 2010). Walaupun isu ini agak remeh, ia sering berlaku di sekolah. Kejayaan guru mengurus fizikal, sumber dan suasana bilik darjah yang kondusif bermakna guru telah berjaya membentuk budaya berdisiplin, menghargai alam sekitar dan mematuhi setiap arahan diberi (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Setiap kali memasuki bilik darjah, guru perlu membuat teguran yang sama agar pelajar bertindak sewajarnya dalam memastikan suasana bilik darjah kondusif untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sepanjang tahun.

Terdapat beberapa amalan pengurusan bilik darjah yang dikemukakan sebagai panduan para guru. Sebagai pengurus bilik, darjah guru berperanan sebagai perancang, pengelola, pengarah dan pengawal (Mok Soon Sang, 2011). Pandangan lain menjelaskan pengurusan bilik darjah melibatkan aspek merancang, mengelola, mengawal, membuat refleksi dan menjalinkan hubungan guru-murid (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Elemen-elemen tersebut merupakan asas panduan pengurusan bilik darjah. Setiap guru perlu mengamalkan elemen-elemen ini agar mereka dapat mengurus tingkah laku pelajar dan segala aktiviti yang dijalankan dalam bilik darjah dengan berkesan. Namun, adakah amalan ini sahaja sudah mencukupi? Organisasi bilik darjah, kesediaan diri pelajar dan adab belajar perlu dititikberatkan oleh guru dalam mengurus bilik darjah dengan sempurna untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan berkesan (Mishah, Naemah, Fadzilah & Siti Rozitah, 2007).

Panduan pengurusan bilik darjah perlu menggabungkan pelbagai isu bilik darjah dan menjawab persoalan yang sering merisaukan guru dalam merangsang

tingkah laku yang membina dan produktif dalam bilik darjah (Henley, 2006). Pendekatan yang dipraktikkan untuk mengurus bilik darjah adalah bergantung kepada situasi yang dihadapi oleh guru dalam realiti dunia pendidikan. Sejauh manakah panduan pengurusan bilik darjah yang sedia ada diamalkan oleh para guru?

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah ini, jelaslah masih terdapat kekurangan dan kelemahan dalam aspek pengurusan bilik darjah di sekolah masa kini. Guru masa kini berhadapan dengan semakin banyak isu berkaitan pelajar terutamanya pelbagai masalah salah laku dan disiplin. Lebih banyak masalah disiplin melibatkan pelajar berlaku kerana suasana persekitaran pembelajaran hari ini dilihat tidak dapat menarik minat pelajar untuk melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Selain itu, salah laku penggunaan internet dalam bilik darjah ketika pengajaran dan pembelajaran berlangsung, mungkin berpunca dari pengurusan bilik darjah yang kurang berkesan (Noriati et al., 2010).

Guru boleh mempengaruhi tingkah laku pelajar serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Maka, guru perlu ada hubungan yang baik dengan pelajar. Selain mengurus tingkah laku pelajar guru berhadapan dengan masalah penyediaan fizikal bilik darjah yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran pelajar. Pengurusan fizikal bilik darjah penting kerana bukan sahaja melibatkan tugas mengurus aktiviti pengajaran dan pembelajaran tetapi melibatkan aktiviti mengatur reka letak fizikal serta mewujudkan komunikasi serta interaksi di kalangan pelajar dan guru.

Sememangnya tidak dapat dinafikan tugas guru era ini semakin mencabar, rencam serta tidak profesional dan beban tugas yang pelbagai ini mungkin menimbulkan implikasi positif dan negatif kepada guru (Mohd Hasani & Mohd Johdi, 2009). Maka, guru perlu bijak dalam mengurus dan mengatur masa mereka

untuk memastikan segala tugas sampingan yang diterima tidak menghalang atau mengganggu salah satu *core business* mereka iaitu pengurusan bilik darjah yang baik.

Sehubungan itu, kajian ini dibuat untuk mengenalpasti amalan pengurusan bilik darjah yang diguna pakai oleh guru-guru sekolah menengah ketika melaksanakan aktiviti dalam bilik darjah. Pengkaji juga ingin melihat sama ada amalan pengurusan bilik darjah yang dipraktikkan oleh para guru masih sesuai dalam menangani pelajar masa kini, memandangkan pelajar sekarang lebih banyak terdedah kepada ledakan teknologi maklumat serta gejala sosial yang makin berleluasa. Apakah guru perlu membuat perubahan dalam mengurus bilik darjah masa kini sebagai usaha meningkatkan pencapaian akademik pelajar disamping membendung gejala sosial serta isu disiplin yang semakin menular dalam kalangan pelajar sekolah?

Guru mempunyai peranan penting dalam mengurus apa jua perkara berkaitan bilik darjah dimana semua proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung disamping menyampaikan maklumat melalui proses pengajaran dan pembelajaran, Amalan pengurusan bilik darjah bermula dari peringkat perancangan sehinggalah ke peringkat pelaksanaan dalam bilik darjah itu sendiri. Guru perlu memastikan bilik darjah sentiasa diurus dengan efektif kerana dapat membantu menghasilkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran kondusif agar pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan seronok dan yakin demi mencapai prestasi yang cemerlang.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Di sini dapat disenaraikan beberapa objektif kajian ini dijalankan secara khusus, iaitu:

- i) Untuk mengenal tahap pengurusan bilik darjah di sekolah menengah daerah Segamat.

- ii) Untuk mengetahui sejauhmana amalan pengurusan bilik darjah diamalkan oleh guru mata pelajaran di sekolah menengah daerah Segamat.
- iii) Untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru sekolah menengah daerah Segamat dalam pengurusan bilik darjah.
- iv) Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan tahap pengurusan, amalan pengurusan dan masalah pengurusan bilik darjah di antara sekolah berasrama dan sekolah harian biasa.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Oleh itu, kajian ini mengkaji tajuk berkaitan pengurusan bilik darjah oleh guru yang berkaitan permasalahan berikut:

- i) Apakah tahap pengurusan bilik darjah di sekolah menengah daerah Segamat?
- ii) Sejauhmanakah amalan pengurusan bilik darjah diamalkan oleh guru mata pelajaran di sekolah menengah daerah Segamat?
- iii) Apakah masalah yang dihadapi oleh guru sekolah menengah daerah Segamat dalam pengurusan bilik darjah?
- iv) Adakah tahap pengurusan, amalan pengurusan dan masalah pengurusan bilik darjah yang dihadapi oleh guru-guru berbeza antara sekolah berasrama dan sekolah harian biasa?

### **1.6 Hipotesis Kajian**

Terdapat tiga hipotesis kajian yang telah dibina dan perlu diuji dalam kajian ini. Hipotesis tersebut adalah:

- Ho1 : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada tahap pengurusan bilik darjah di antara sekolah berasrama dan sekolah harian biasa.
- Ho2 : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada amalan pengurusan bilik darjah di antara sekolah berasrama dan sekolah harian biasa.
- Ho3 : Tidak terdapat perbezaan signifikan masalah pengurusan bilik darjah di antara sekolah berasrama dan sekolah harian biasa.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan dalam kalangan guru-guru sekolah menengah berasrama dan sekolah menengah harian di Segamat, Johor. Kajian ini bertujuan untuk penambahan ilmu dan pengalaman di dalam bidang penyelidikan berkaitan pentadbiran dan pengurusan sekolah. Ia bertujuan melihat sama ada panduan amalan pengurusan bilik darjah sedia ada masih sesuai digunakan dalam menangani pelajar masa kini. Sekiranya tidak, pengkaji ingin mencadangkan garis panduan ringkas tentang amalan pengurusan bilik darjah yang sesuai diguna pakai dalam menangani generasi pelajar masa kini serta dalam membuat perancangan mengurus bilik darjah serta pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di sekolah terutamanya dalam meningkatkan prestasi pelajar. Kajian ini dijalankan sebagai panduan dan rujukan kepada mereka yang terlibat dengan bidang pendidikan iaitu Kementerian Pelajaran, semua lapisan guru dan pengkaji-pengkaji akan datang.



### **1.7.1 Kementerian Pelajaran**

Hasil kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak kementerian tentang masalah yang sering dihadapi oleh para guru dalam mengurus bilik darjah pada masa kini. Disamping itu, ia dapat memberi garis panduan kepada pihak kementerian dalam menyusun satu strategi yang berguna kepada para guru untuk mengurus bilik darjah dengan baik dan berkesan terutamanya dalam melaksanakan tugas yang kian mencabar masa kini.

### **1.7.2 Guru-guru**

Hasil dapatan kajian ini dapat membantu para guru sama ada yang bakal menjadi guru, guru novis mahupun guru lama mempraktikkan amalan pengurusan bilik darjah yang sesuai khususnya dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif untuk pelajar masa kini sebagai langkah meneraju sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Guru juga dapat membuat perbandingan amalan pengurusan bilik darjah antara jenis sekolah berlainan dan mengguna pakai teknik atau amalan yang lebih baik dalam pelaksanaan tugas harian di sekolah.

### **1.7.3 Pengkaji akan datang**

Kajian ini akan menjadi sumber rujukan tambahan untuk pengkaji-g akan datang dalam mengkaji topik yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah. Mereka juga berkemungkinan akan kajian lanjutan daripada kajian ini untuk melihat kepentingan aspek-aspek lain dalam mengurus sebuah bilik darjah secara efektif atau apa jua hubungan berkaitan isu dikaji.

#### **1.7.4 Pihak-pihak lain**

Kajian ini juga untuk dijadikan bahan rujukan kepada warga pendidik atau organisasi pendidikan yang lain dalam pengurusan dan pentadbiran yang efektif khususnya dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta mengenal pasti cara pengurusan bilik darjah yang terbaik untuk diamalkan dan diserapkan sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan sumber manusia.

#### **1.8 Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan tentang pengurusan bilik darjah di sekolah berasrama dan sekolah harian biasa dalam merancang, mengurus, memimpin dan melaksanakan segala aktiviti di bilik darjah termasuk proses pengajaran dan pembelajaran serta amalan pengurusan yang digunakan di sekolah setiap hari demi memastikan persekitaran pembelajaran kondusif dalam meningkatkan pencapaian pelajar.

Kajian akan melihat masalah utama sering dihadapi guru dalam mengurus bilik darjah serta amalan pengurusan bilik darjah yang dipraktikkan oleh guru untuk memenuhi keperluan pelajar masa kini serta kepentingannya dalam memupuk persekitaran pembelajaran kondusif di sekolah. Selain itu, ia juga adalah untuk mendapatkan gambaran jelas tentang amalan pengurusan bilik darjah yang berkesan di sekolah menengah serta apakah halangan atau masalah yang acapkali dihadapi oleh guru dalam mengurus bilik darjah di sekolah.

Kajian dijalankan hanya di beberapa buah sekolah menengah di daerah Segamat sahaja. Maka, kajian tidak menggambarkan keseluruhan tahap pengurusan bilik darjah yang dilaksanakan di semua sekolah-sekolah negeri Johor.

## **1.9 Batasan Kajian**

Hanya sebilangan sekolah sahaja di daerah Segamat yang dilibatkan dalam kajian ini. Ia melibatkan beberapa buah sekolah berasrama dan sekolah harian biasa. Oleh itu, dapatan kajian hanya mewakili sampel kecil daripada keseluruhan populasi guru sekolah menengah berasrama dan sekolah menengah harian seluruh negeri Johor.

## **1.10 Definisi Istilah Kajian**

Dalam kajian ini, definisi-definisi berikut digunakan untuk menjelaskan maksud bilik darjah, pengurusan bilik darjah dan persekitaran pembelajaran kondusif. Definisi tersebut ialah:

### **1.10.1 Bilik Darjah**

Menurut Kamus Dewan (2002) Edisi Ketiga, bilik darjah bermaksud ruang dalam rumah atau bangunan yang bersekat dengan dinding dan berpintu. Konsep bilik darjah kian berubah dari masa ke semasa bergantung peredaran zaman dan perkembangan yang sentiasa berlaku. Dalam konteks pendidikan hari ini, bilik darjah dilihat dari segi fungsi dan ciri susunan fizikalnya. Bilik darjah boleh ditafsirkan sebagai sebuah bilik yang mengandungi sekumpulan pelajar berada dibawah jagaan seorang guru untuk menjalani apa jua aktiviti pengajaran dan pembelajaran sama ada di pusat sumber, makmal sains, dewan sekolah, makmal komputer atau sebuah padang dimana sekumpulan pelajar menjalani pembelajaran pendidikan jasmani dibawah pemantauan seorang guru (Mok Soon Sang, 2011).

Bilik darjah adalah satu ekosistem terdiri daripada persekitaran fizikal yang mencakupi jadual, ruang, kerusi-meja, warna, bunyi dan pencahayaan dan persekitaran sosial iaitu keberadaan guru, peraturan tingkah laku, penglibatan keluarga dan perbezaan budaya (Henley, 2006)

Dalam kajian ini, bilik darjah dilihat sebagai sebuah bilik atau ruang diduduki oleh sebilangan pelajar yang dikawal oleh seorang guru dan ianya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti kerusi-meja yang disusun bersesuaian dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, papan tulis serta alat bantu mengajar yang bersesuaian.

### **1.10.2 Pengurusan Bilik Darjah**

Pengurusan bermaksud perihal mengurus sesuatu atau perihal mengurus syarikat, badan perniagaan dan lain-lain (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002). Sementara itu, bilik darjah merupakan ruang atau bilik dimana proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Kesimpulannya, pengurusan bilik darjah adalah perihal mengurus satu bilik dimana proses penyampaian dan penerimaan ilmu berlaku.

Tugas mengurus bilik darjah termasuk juga aktiviti mengatur reka letak fizikal dan mewujudkan komunikasi serta interaksi di kalangan pelajar dan guru (Abd. Ghafar, 2003). Pengurusan bilik darjah merujuk kepada kebolehan guru mengawal pelajar demi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lancar serta melibatkan tindakan guru membina dan mengekalkan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah.

Dalam konteks kajian ini, pengurusan bilik darjah merujuk tugas guru dalam mengurus rutin harian bilik darjah, mengurus murid-murid supaya melakukan aktiviti bilik darjah, cara menyusun kerusi-meja dan peralatan bilik darjah, mengurus pergerakan pelajar di dalam bilik darjah, mengurus bahan-bahan pengajaran untuk

proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan serta mengawal disiplin pelajar di dalam kelas bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

### **1.10.3 Amalan Pengurusan Bilik Darjah**

Konteks amalan pengurusan bilik darjah adalah luas. Pelajar akan sentiasa memerhati dan saling berinteraksi dengan guru di dalam atau di luar bilik darjah. Maka, pendekatan atau amalan guru berupaya mempengaruhi pelajar dalam bilik darjah serta prestasi akademik dan sahsiah mereka sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Amalan pengurusan bilik darjah melibatkan aspek merancang, mengelola, mengawal, membuat refleksi dan menjalinkan hubungan guru-murid (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Pengurusan bilik darjah yang efektif memerlukan kemahiran merancang, mengelola dan merefleksi disamping keupayaan berkerja dalam kumpulan (Bosch, 2006).

Amalan pengurusan bilik darjah merujuk perkara yang dilakukan oleh guru dalam mengurus segala aktiviti yang dijalankan dalam bilik darjah sama ada berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran atau pelaksanaan aktiviti lain seperti perjumpaan persatuan atau pertandingan ko-akademik. Dalam konteks kajian ini, aspek pengurusan bilik darjah adalah berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh Kounin (1970) dimana beliau menyatakan bahawa pengurusan bilik darjah melibatkan pengurusan disiplin dan pengurusan pengajaran.

### **1.10.4 Masalah Pengurusan Bilik Darjah**

Dalam pengurusan bilik darjah terdapat beberapa masalah atau halangan yang perlu diambil kira dan ditangani oleh guru. Masalah utama yang dihadapi oleh guru

dalam pengurusan bilik darjah adalah tingkah laku serta disiplin pelajar. Kebanyakan guru berasa terbeban dengan masalah disiplin yang perlu mereka tangani setiap hari di sekolah kerana kebanyakan masalah disiplin adalah pelbagai dan simptom dari masalah berbeza yang dihadapi oleh pelajar pada tahap yang berlainan (Myint et al. 2004).

Fontana (1985) menyenaraikan beberapa perkara yang menyebabkan kesukaran kepada para guru untuk mengawal dan mengurus tingkahlaku pelajar di dalam bilik darjah iaitu, perbezaan tingkahlaku disebabkan umur, kemahiran dan keupayaan berbeza antara pelajar, perbezaan sosio ekonomi dan perbezaan budaya dalam kalangan pelajar. Antara halangan pengurusan bilik darjah adalah peraturan yang rigid, peribadi guru yang menghalang mereka daripada mengambil tindakan terhadap pelajar, ibubapa yang memanjakan anak mereka dan kumpulan pelajar yang membentuk kumpulan atau 'klik' sendiri (Mook Soon Sang, 2011). Haliza dan Joy Nesamalar (2009) pula menyenaraikan hubungan ibubapa, pengaruh rakan sebaya, keadaan persekitaran bilik darjah, masalah perkembangan murid dan salah laku yang tidak dijangka merupakan beberapa masalah yang sering dihadapi oleh para guru dalam usaha menguruskan bilik darjah di sekolah.

Dalam kajian ini masalah pengurusan bilik darjah merujuk kepada halangan yang dihadapi oleh para guru dalam mengurus bilik darjah di sekolah setiap hari. Ia melibatkan faktor dalaman iaitu dari pihak pengurusan dan pentadbiran, guru dan pelajar, persekitaran bilik darjah serta faktor luaran iaitu ibubapa dan masyarakat.

## **1.11 Kesimpulan**

Ekoran dari perkembangan dunia pendidikan era ini, peranan dan tugas guru dalam mengurus bilik darjah semakin mencabar. Seorang guru yang bertindak sebagai pengurus bilik darjah efektif akan berusaha mempertingkatkan serta

melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengurusan yang berguna agar dapat menerajui bilik darjah yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka.

Pengurusan bilik darjah masa kini adalah kompleks kerana melibatkan aspek pengurusan serta pengajaran dalam satu masa yang sama. Di sekeliling guru adalah masyarakat yang sentiasa melihat perkembangan pengajaran dan pembelajaran di sekolah, melalui anak-anak mereka. Justeru, seorang guru mesti memastikan pencapaian akademik pelajar khususnya berada pada tahap yang cemerlang dan membanggakan.

Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberi maklumat berguna kepada guru serta bakal-bakal guru tentang peranan mereka serta amalan seharusnya dipraktikkan dalam usaha mengurus bilik darjah masa kini secara berkesan serta membentuk satu persekitaran pembelajaran yang positif dan kondusif di sekolah. Guru wajar mengamalkan tahap pengurusan bilik darjah tertentu yang dirasakan paling sesuai sebagai usaha menjadikan pelajar seronok berada di dalam kelasnya dan berjaya menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

## RUJUKAN

- Abd. Ghafar Md. Din (2003). *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, Klang: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya (2006). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani, Abdul Rashid Mohamed dan Abdul Ghani Abdullah (2007). *Guru Sebagai Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Chik (2003). *Satu Tinjauan Mengenai Stail Tindakan Guru Tingkah laku Negatif Pelajar di Bilik Darjah*. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia,
- Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan 31 (2006) 3-19*.
- Allen, K. P. (2010). Classroom Management, Bullying and Teacher Practices. *The Professional Educator 34 (1), 1-15*.
- Azizi Yahya (2006). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Masalah Disiplin Pelajar Sekolah dan Perhubungan Pembentukan Personaliti*. Monograf Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahman Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publishing.
- Bity Salwana, Ahmad Basri, Ramlee dan Mohammed Sani (2009). *Kompetensi Pengetua Sekolah Menengah Malaysia Dalam Bidang Pengurusan Kurikulum*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.



- Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). *Memperkasa Kepimpinan Instruksional Di Sekolah – Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Cemerlang*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Brady, K., Forton, M. B., Porter, D. dan Wood, C. (2003). *Rules in School*. Greenfield: Northeast Foundation for Children.
- Bosch, K. (2006). *Planning Classroom Management - A Five-Step Process to Creating a Positive Learning Environment (2<sup>nd</sup> ed.)* California: Corwin Press.
- Charles, C. M. (2008). *Building Classroom Discipline (9<sup>th</sup> ed.)* Boston: Pearson Education.
- Choong Lean Keow (2009). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Cotter, K. (2011). *Proper Classroom Management is Essential for an Effective Elementary Classroom*. Honors Theses: Roger William University Theses.
- Edwards, C. H. (2004). *Classroom Discipline and Management (4<sup>th</sup> ed.)* New York: Wiley Jossey-Bass Education.
- Emmer, E. T, Evertson, C. M dan Worsham, M. E. (2000). *Classroom Management For Secondary Teachers (5<sup>th</sup> ed.)* Needham Heights: Allyn and Bacon
- Farooq, M. S. (2011). Perceptions of Prospective Teachers About Factors Influencing Classroom Management. *Journal of Quality and Technology Management*. 7 (1), 23-38.

- Fontana, D. (1985). *Classroom Control : Psychology In Action*. Leicester: Methuen & Co. Ltd.
- Goh, S.C. (2002). *Classroom Management Creating Positive Learning Environment*. Singapore: Prentice Hall
- Haliza Hamzah dan Samuel, J.N. (2009). *Siri Pendidikan Guru: Pengurusan Bilik Darjah Dan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Hamedah Wok Awang dan Normah Teh (2010). *Sinergi Dalam Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Hanim Sulaiman dan Nasriah Sudin (2010). *Persepsi Ibumama Terhadap Tahap Iklim Sekolah Daripada Aspek Pengurusan, Hubungan Sosial Dan Gaya Pengajaran Di Sebuah Sekolah Swasta Di Daerah Johor Bahru*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Hardin, C. J. (2008). *Effective Classroom Management – Models and Strategies for Today's Classroom*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Henley, M. (2006). *Classroom Management: A Proactive Approach*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Jacob Kounin (1970). *Model Pengurusan Kelompok Kounin* , Dalam Haliza Hamzah dan Samuel, J.N. (2009). *Siri Pendidikan Guru: Pengurusan Bilik Darjah Dan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Johari Hassan dan Nik Selma Muhammad (2011). *Faktor-faktor Yang Menyebabkan Masalah Ponteng Sekolah di Sekolah Menengah Daerah Kulaijaya, Johor*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Jones, V. dan Jones, L. (2007). *Comprehensive Classroom management – Creating Communities of Support and Solving Problem*. Boston: Pearson & Allyn and Bacon.

Juahir Mondakir (2006). *Meningkatkan Kecekapan Mengurus salah laku disiplin dalam bilik darjah oleh guru-guru SMK Raja Abdullah melalui Program Jom Gempur*. Laporan Kajian Tindakan: SMK Raja Abdullah, Kuala Lumpur.

Kamus Dewan (2002) (3<sup>rd</sup> ed), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Levin, J. dan Nolan, J.F. (2000). *Principles of Classroom Management: A Profesional Decision Making Model (3rd ed)*. Needham Heights: Allyn and Bacon.

Lindberg, J. A dan Swick, A. M. (2002). *Common Sense Classroom Management – Surviving September and Beyond in the Elementary Classroom*. California: Corwin Press.

Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Misnah A. Hamid, (2010). *Hubungan Kepimpinan dan Pengurusan Bilik Darjah Dengan Prestasi Pelajar di Sekolah Rendah*. Tesis Ijazah Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Mok Soon Sang (2011). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku (3<sup>rd</sup> ed.)* Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang, (2011). *Pedagogi Untuk Pengajaran dan Pembelajaran (2<sup>nd</sup> ed.)* Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Mohd Hasani Dali dan Mohamad johdi Salleh (2009). *Pengurusan Bilik darjah*, Dalam Noraini Idris dan Shuki Osman, “Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis”. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill. Pps 161-188.
- Mumtaz Ahmad (2010). Application of Classroom Management Strategies in Public and Private Sector at School Level in Pakistan. *Journal of Managerial Sciences*, 4 (1)50-66.
- Myint, S.K., Lourdusamy, A., Quek, C. L. dan Wong, A. F. L. (2004). *Teaching and Classroom Management: An Asian Perspective*. Singapore: Prentice Hall.
- Noraini Idris dan Shuki Osman (2009). *Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Noriati Rashid, Boon, P.Y., Sharifah Fakhriah dan Zuaraidah (2010). *Guru dan Cabaran Semasa*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Sahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub dan Mohd Zohir Ahmad (2007). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Shoba, K. (2007). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kemerostan Disiplin di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Johor*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Siti Zahrina Hasnan (2008). *Guru Sebagai Pengurus Bilik Darjah*. Tesis Ijazah Sarjana Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Syed Ismail Syed Mustafa dan Ahmad Subki Maskon (2010). *Budaya dan Pembelajaran*. Ipoh: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Williams, K. C. (2009). *Elementary Classroom Management A Student-Centered Approach to Leading and Learning*. Singapore: SAGE Publications, Inc.

Williams, P.A., Alley, R.D., dan Henson, K.T. (1999). *Managing Secondary Classrooms: Principles & Strategies for Effective Management & Instruction*. Needham Heights: Pearson.

Wolfgang, C.H. (2005). *Solving Discipline and Classroom Management Problems: Methods and Models for Today's Teachers (6<sup>th</sup> ed.)* United States of America: Wiley Jossey-Bass Education.